



PUMS99:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: SEJARAH PERKEMBANGAN PENDIDIKAN MENENGAH MISSIONARI DI TAWAU (1963 - 2000)

IJAZAH: SARJANA MUDA SAINS SOSIAL

SAYA SARINI BINTI SUNDU SESI PENGAJIAN: 2009
(HURUF BESAR)

Perengku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

Sarini
(TANDATANGAN PENULIS)

[Signature]
(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

EN. MD. SAFFIE
Nama Penyelia

Tarikh: 7 Mei 09.

Tarikh: 7.M.09.

CATATAN:- *Potong yang tidak berkenaan.
**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.
sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara ertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana

PERPUSTAKAAN UMS



1400017144

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEJARAH PERKEMBANGAN PENDIDIKAN
MENENGAH MISSIONARI DI TAWAU
(1963 – 2000)**

SARINI BINTI SUNDU

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
MUDA DENGAN KEPUJIAN SEJARAH**


**PROGRAM SEJARAH
SEKOLAH SAINS SOSIAL
SESI 2008/2009**



Pengakuan calon

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

7 Mei 2009




Sarini Binti Sundu

Ha 2006 - 6640



Pengesahan Penyelia

Dengan ini saya mengesahkan bahawa Latihan Ilmiah ini telah ditulis oleh Sarini Binti Sundu Ha 2006-6640 yang bertajuk Sejarah Perkembangan Pendidikan Menengah Missionari Dari Tahun 1963 hingga 2000 dan telah diselia oleh saya sebagai sebahagian daripada syarat-syarat penganugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan kepujian dalam bidang sejarah, Universiti Malaysia Sabah.

Tandatangan Penyelia

(En. Md Saffie Bin Abd Rahim)

Pensyarah Program Sejarah

7 Mei 2009



Penghargaan

Bismillahirrahmanirrahim.....

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, selamat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w. para sahabat serta solihin. Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia – Nya, saya dapat menyiapkan Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sejarah ini dengan lancar.

Jutaan terima kasih tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu En. Md Saffie Bin Abd Rahim di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar beliau sepanjang proses menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Tanpa beliau sudah pasti saya tidak dapat membuat Latihan Ilmiah ini dengan baik.

Tidak lupa juga kepada keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dan memberi dorongan kepada saya, terutamanya ibu tercinta. Di samping itu, setinggi ucapan penghargaan kepada Pengetua, Guru-guru dan semua pihak SMK. St. Patrick, SMK Holy Trinity dan SM Konvent Tawau yang memberi kebenaran kepada saya sepanjang saya menjalankan kajian di sekolah berkenaan serta segala bantuan dan bimbingan mereka kepada saya sepanjang saya menjalankan kajian di sekolah tersebut. Akhir sekali, terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini.

Sesungguhnya yang baik itu datangnya dari Allah S.W.T. dan yang silap dan salah itu datangnya dari kesilapan saya sendiri selaku manusia biasa.

Wassalam.....

Di sediakan oleh

Sarini Binti Sundu



Abstrak

Kajian ini adalah mengkaji tentang Sejarah Perkembangan Pendidikan Menengah Missionari di Tawau pada tahun 1963-2000. Dalam kajian ini, latar belakang pendidikan di Tawau telah dibincangkan secara ringkas yang telah melibatkan asal-usul pendidikan mission. Sedikit pengenalan tentang lokasi kajian iaitu Tawau serta penduduk pribuminya juga turut disertai dalam kajian penulis. Selain itu juga penulis turut membincangkan tentang sistem pendidikan yang terdapat di Tawau sejak zaman kolonial dan seterusnya sistem pendidikan di Sabah ke Persekutuan Malaysia. Seterusnya, kajian ini telah membincangkan tentang perkembangan dan pencapaian pendidikan mission yang merupakan fokus kepada penyelidikan yang dibuat. Secara keseluruhannya, Latihan Ilmiah ini diharap dapat digunakan sebagai salah satu bahan yang penting kepada generasi akan datang.



Abstract

This study is about History of the Development Education Mission in Tawau in 1963 until 2000. in this study, background over education in Tawau were discussed where there are some of the history development education in Tawau. Some introduction about Tawau and it native population also discussed in this study. Besides that, the finding research by writer also discussed about education system in Tawau after entry to federation of Malaysia. The outcome future of the study also discussed about development and achievement mission school in Tawau.



SENARAI SINGKATAN

CMS	Persatuan Gereja Missionari
NBTC	North Borneo Timber Company
SRP	Sijil Rendah Peperiksaan
SPM	Sijil Peperiksaan Malaysia
SPG	Society For The Propagation Of The Gospel
SBBUB	Syarikat Berpiagam Borneo Utara British



ISI KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
PENAKUAN CALON	i
PENGESAHAN PENYELIA	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SINGKATAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI CARTA ALIRAN	xi

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Permasalahan Kajian	3
1.3 Tujuan dan Objektif Kajian	4
1.4 Sorotan Literatur	5
1.5 Kepentingan Kajian	14
1.6 Skop Kajian	15
1.7 Metodologi Kajian	16
1.8 Pembahagian Bab	17
1.9 Struktur Tesis	19

BAB 2 : SEJARAH AWAL PENDIDIKAN DI TAWAU

2.1 Pendahuluan	21
2.2 Sejarah Ringkas Daerah Tawau Dan Masyarakat.	23
2.2.1 Populasi penduduk	25
2.2.2 Kedudukan geografi	27
2.2.3 Pembangunan sosial dan ekonomi	28
2.3 Sejarah pendidikan di Tawau	
2.3.1 Sejarah Pendidikan Sebelum Merdeka	31
2.3.2 Sejarah Pendidikan Selepas Merdeka	32
2.3.3 Sejarah Pendidikan di Tawau	35
2.4 Asal-usul penubuhan sekolah missionari di Tawau.	37



2.5 Kesimpulan	43
----------------	----

BAB 3 : PERKEMBANGAN PENDIDIKAN MISSION DI TAWAU

3.1 Pendahuluan	45
3.2 Sejarah dan perkembangan Sekolah St. Patrick	47
3.2.1 Mengukuhkan Kedudukan Sekolah	51
3.2.2 Pembangunan pesat	55
3.2.3 Pembangunan fizikal	56
3.2.4 Sumber Kewangan	57
3.2.5 Pengetua orang tempatan	58
3.2.6 Peralihan, 1980-1983	60
3.2.7 Usaha memperkukuhkan sekolah	61
3.2.8 Bangunan baru	62
3.3 Sejarah dan perkembangan Sekolah Holy Trintiy	
3.3.1 Sejarah gereja Holy Trinity	62
3.3.2 Misi Katolik oleh Fr. Stotter, 1920-1975	63
3.3.3 Asal nama Holy Trinity	64
3.3.4 Sejarah penubuhan Sekolah Holy Trinity	65
3.3.5 Pembangunan fizikal	69
3.4 Sejarah dan perkembangan Sekolah Konven St. Ursulah	73
3.4.1 Pembangunan fizikal	74
3.5 Kesimpulan	75

BAB 4 : PENCAPAIAN SEKOLAH MISSIONARI DI TAWAU

4.1 Pendahuluan	78
4.2 Pencapaian Sekolah St. Patrick	79
4.2.1 Pencapaian dalam bidang akademik	80
4.2.2 Pencapaian dalam bidang ko-kurikulum	86
4.3 Pencapaian Sekolah Menengah Holy Trinity	87
4.3.1 Pencapaian dalam bidang akademik	88
4.3.2 Senarai nama tokoh-tokoh yang telah mendapat pendidikan di Holy Trinity	92
4.4 Pencapaian Sekolah Menengah Konven St. Ursulah	93
4.4.1 Pencapaian dalam bidang akademik	94
4.4.2 Pencapaian dalam bidang Ko-kurikulum	98
4.5 Kesimpulan	99

BAB 5 : Rumusan	100
------------------------	-----

BIBLIOGRAFI	107
--------------------	-----

LAMPIRAN	111
-----------------	-----



SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 : Bilangan sekolah mengikut mission	41
Jadual 4.1 : Analisis Peperiksaan Sijil Rendah Peperiksaan (SRP)	82
Jadual 4.2 : Analisis peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM)	82
Jadual 4.3 : Analisis keputusan peperiksaan SRP dan SPM bagi tahun 1981-1991	89
Jadual 4.4 : Peratusan pelajar lulus dalam peperiksaan PMR dan SPM bagi tahun 2002-2003	91
Jadual 4.5 : Peratus pelajar cemerlang bagi tahun 2002-2005	91
Jadual 4.6 : Analisis keputusan SRP bagi tahun 1993	95
Jadual 4.7 : Analisis keputusan SPM bagi tahun 1993	95
Jadual 4.8 : Analisis keputusan PMR bagi tahun 1995	96
Jadual 4.9 : Analisis keputusan SPM bagi tahun 1995	97



SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 2.1 : Bandar Tawau pada tahun 1947 – 1950	24
Gambar 2.2 : Pembangunan sosial dan ekonomi di Tawau	31
Gambar 3.1 : Sekolah pada awal penubuhan tahun 1917	49
Gambar 3.2 : Bangunan baru yang kekal sehingga sekarang	62
Gambar 4.1 : Antara anugerah yang telah diterima	85

SENARAI CARTA ALIRAN

	Halaman
Carta aliran 2.1 : Struktur pentadbiran Jabatan Pelajaran sebelum tahun 1965	34



SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 : Peta kedudukan daerah Tawau	15
Rajah 2.1 : Peta kedudukan daerah Tawau di Pantai Timur Sabah	22



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sebelum Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) memerintah Sabah, masyarakat tempatan telah pun mempunyai sistem pendidikan yang berasaskan kepada pendidikan agama dan Al-Quran. Masyarakat tempatan Sabah memberikan pendidikan tidak formal kepada anak-anak mereka secara bercucuk tanam, memburu binatang, menangkap ikan dan adat resam. Masyarakat yang beragama Islam pula, menyediakan pendidikan agama untuk anak-anak mereka di Surau, Madrasah dan Sekolah Pondok.

Namun, selepas kedatangan (SBBUB) ke Sabah, pihak Syarikat Berpiagam Borneo Utara telah pun menubuhkan sekolah missionari serentak dengan kegiatan pendakwaan agama Kristian di Sabah pada tahun 1882. Justeru itu, proses penginjilan adalah selari dengan proses pendidikan dan mubaligh Kristian telah memainkan peranan yang penting dalam pendidikan mission di Sabah.¹ Sekolah-sekolah awal telah didirikan oleh mubaligh Kristian daripada Mazhab Roman Katolik, Protestant dan Anglikan. Semasa pemerintahan Inggeris di Sabah, penubuhan Sekolah Vernakular untuk kanak-kanak bumiputera tidak diberi perhatian oleh pihak penjajah. Oleh itu, usaha

¹ Sabihah Osman & Md. Saffie b. Abdul Rahim, *Rencana Khas: "Sejarah Pendidikan di Sabah"*, Sabah: Jabatan Cetak Kerajaan, 2005, hlm. 20-22.

untuk menubuhkan kemudahan pendidikan di kawasan pedalaman telah dilakukan oleh Mubaligh-mubaligh kristian.²

Sehingga tahun 1940, terdapat sebanyak 27 buah sekolah Roman Katolik, 8 buah sekolah Society for Propation of the Gospel dan 17 buah sekolah *mission* Basel di seluruh Sabah.³ Kegiatan sekolah-sekolah mubaligh Kristian telah berkembang dengan pesatnya dan ini telah melahirkan generasi pertama masyarakat Kristian bumiputera Sabah. Pendidikan Barat yang diterapkan di sekolah-sekolah mubaligh telah dapat mendedahkan masyarakat tempatan kepada pendidikan yang bernilai ekonomi dari segi bahasa dan kurikulumnya. Pendedahan ini juga membolehkan wujudnya rasa keyakinan kepada pelajar-pelajar untuk bersifat lebih terbuka terhadap perkembangan dan perubahan yang berlaku di persekitaran mereka.

Daerah Tawau juga tidak ketinggalan menerima pendidikan missionari sepertimana yang terdapat di daerah-daerah lain di Sabah. Pembukaan lombong arang batu di Solimpupun sekitar 1920-an telah menarik minat orang-orang Cina dan Filipina bekerja di situ dan sebahagian daripada mereka telah menganut Agama Kristian Katolik. Sebelum 1922, Tawau telah mempunyai Stesen Misi Katolik yang bergerak di kalangan orang-orang Cina dan Filipina. Pada tahun yang sama juga sebuah sekolah telah dibina di Tawau. Pengetua sekolah tersebut ialah Stephen Kee Hong. Sebelum 1934, gereja Katolik di Tawau bernaung di bawah pentadbiran pihak berkuasa Gereja Katolik di Sandakan.⁴ Sekolah Missionari pertama di Tawau ditubuhkan pada tahun 1917 iaitu Sekolah St. Patrick. Sekolah mubaligh Kristian ini menerima bantuan daripada kerajaan

² Sufean Hussine, *Pendidikan di Malaysia, Sejarah, Sistem dan Falsafah*, Selangor Darul Ehsan: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm.31.

³ *Ibid*

⁴ Ismail Abdul Rahman, *Gerakan Gereja Katolik di Malaysia*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000, hlm. 34.

Sabah. Kebanyakan sekolah ini menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Terdapat juga sekolah-sekolah misionari yang menggunakan Bahasa Cina dan Bahasa Dusun.

1.2 Pernyataan Permasalahan kajian

Pendidikan merupakan wadah penting dalam pembangunan masyarakat yang bertamadun. Melalui pendidikan yang diterima, kita dapat mengetahui perkara yang baik dan buruk. Pembangunan sosio-ekonomi daerah Tawau pada masa kini sememangnya berkait rapat dengan sejarah pembangunan Tawau. Salah satu pembangunan yang dapat dilihat adalah pembangunan dalam aspek pendidikan yang merupakan keperluan hidup setiap masyarakat. Penubuhan sekolah misionari adalah pencetus utama kepada perkembangan pendidikan di Tawau. Justeru, melalui pernyataan masalah ini menimbulkan beberapa persoalan dalam kajian.

Persoalannya ialah bagaimana pertumbuhan sekolah-sekolah misionari di daerah Tawau yang telah menyumbang kepada perkembangan sistem pendidikan masyarakat Tawau. Begitu juga dengan bagaimana perkembangan sekolah misionari yang membawa kepada pembangunan pendidikan di kalangan masyarakat Tawau, turut menjadi persoalan dalam kajian ini.

Selain itu, persoalan dalam kajian ini juga adalah bagaimanakah reaksi penduduk setempat terhadap penubuhan sekolah misionari. Persoalan yang terakhir ialah apakah pencapaian yang telah dicapai oleh sekolah misionari sehingga menjadi sekolah menengah dan dapat menjadi antara sekolah terbaik di Tawau.



1.3 Objektif Kajian

Kajian dibuat bertujuan untuk mengetahui bagaimana proses perkembangan Sekolah Misionari telah membawa kepada perkembangan pendidikan di daerah Tawau Sabah yang telah membawa kepada perkembangan pendidikan serta pencapaian yang telah diraih sejak ditubuhan.

Selain itu, kajian ini juga dibuat untuk memberi kesedaran kepada masyarakat di daerah Tawau tentang peranan sekolah misionari dalam proses pembangunan sosial di daerah Tawau. Sememangnya daerah Tawau telah mengalami perubahan dalam pembangunan sosial melalui penubuhan Sekolah Misionari yang ditubuhkan oleh Mubaligh Kristian.

Kajian ini juga bertujuan untuk mendedahkan kepada masyarakat betapa pentingnya menghargai sejarah pendidikan terdahulu yang telah menjadi titik tolak kepada perkembangan pendidikan pada masa kini. Selain bertujuan memberi peluang kepada pengkaji untuk mengaplikasikan metod kajian sejarah dalam proses mengumpul maklumat dan penulisan kajian sejarah pendidikan agar dapat menghasilkan sebuah penulisan sejarah yang berkualiti.

Kajian ini telah menggariskan beberapa objektif untuk dijadikan sebagai panduan dalam kajian ini seperti mengkaji tentang latar belakang dan sejarah daerah Tawau. Bagi membuat kajian berkenaan dengan Sekolah Misionari di Tawau, latar belakang berkaitan daerah Tawau perlu diketahui terlebih dahulu bagi membuat kajian yang lebih mendalam.

Objektif kedua adalah untuk membincangkan bagaimana sejarah awal perkembangan pendidikan di Tawau yang akhirnya membawa kepada perbincangan perkembangan Sekolah Misionari di Tawau. Objektif ketiga adalah untuk mengupas berkenaan dengan kesan penubuhan Sekolah Misionari

terhadap Pendidikan di Tawau dan Mengetahui pencapaian-pencapaian yg telah diraih oleh sekolah misionari dalam pembangunan pendidikan di kalangan masyarakat daerah Tawau.

1.4 Sorotan Literatur

Tidak banyak kajian dilakukan oleh penyelidik terdahulu berkaitan dengan sejarah perkembangan pendidikan misionari di daerah Tawau. Sekiranya terdapat penyelidikan tersebut hanya sepintas lalu ataupun sebahagian tajuk dalam bab sahaja. Sorotan literatur amatlah penting dalam usaha menghasilkan sebuah penulisan latihan ilmiah yang berkualiti. Justeru itu, pengkaji telah menggunakan sorotan literatur penulisan terdahulu terutamanya penulisan berkaitan dengan pendidikan.

Kajian awal tentang pendidikan di Sabah dilakukan oleh Zulhilmi Paridi dan Rohani Ab. Ghani pada tahun 2003.⁵ Melalui penyelidikan ini, beliau telah menyatakan tentang pendidikan di Sabah dan Sarawak sebelum 1963. Pendidikan di Sabah dan Sarawak telah dilihat sebagai sebuah saluran untuk memberi kesedaran kepada rakyat berkaitan dengan pentingnya pendidikan. Tujuan kajian ini dibuat untuk memperlihatkan di Sabah sistem pendidikan adalah dibiayai oleh Mubaligh Kristian yang telah membina Sekolah Mision dan Cina. Pada mulanya, sekolah-sekolah di Sabah dibuka dan dibiayai oleh badan-badan Mubaligh Kristian walaupun terdapat sebilangan kecil sekolah Cina dan Madrasah. Namun, kajian ini juga telah memperlihatkan bahawa terdapat juga sekolah lain yang wujud sebelum 1963 selain Sekolah Mubaligh iaitu Sekolah Melayu, Sekolah Sukarela Rakyat dan Sekolah Menengah. Kajian yang telah dibuat oleh penulis kurang menerangkan berkaitan dengan penulisan yang lebih

⁵ Zulhilmi Paridi dan Rohani Ab Ghani, *Kenegaraan Di Malaysia ; Isu-isu dalam Pembinaan Negara*, PTS Publication & Distributor sdn bhd, 2003.

terperinci tentang nama sekolah-sekolah di setiap daerah di Sabah pada ketika itu.

Penulisan tentang gerakan Gereja Katolik di Malaysia yang ditulis oleh Ismail Abdul Rahman (2000)⁶ merupakan rujukan asas kepada kajian ini. Penulis telah melihat secara dekat tentang gerakan gereja dan mengkaji pendekatan yang digunakan oleh Mubaligh untuk menarik hati masyarakat tempatan yang menganut fahaman Katolik. Dari segi metodologi kajian, penulis telah menggunakan pendekatan "explorative" iaitu mendapatkan maklumat mengenai gereja yang tidak ditulis dan direkod hasil daripada beberapa temu bual dengan beberapa pemimpin Gereja Roman Katolik. Buku ini adalah sebagai rujukan kerana telah mengupas dengan lanjut misi Gerakan Gereja Roman Katolik yang dijalankan di Sabah khususnya di daerah Tawau. Selain itu, buku ini juga penting untuk kajian yang dibuat kerana sekolah-sekolah mubaligh yang terdapat di daerah Tawau, kesemuanya adalah ditubuhkan oleh badan dakwah Mazhab Roman Katolik. Oleh yang demikian, ia adalah berkaitan dan relevan untuk mengembangkan lagi kajian yang akan dibuat.

Seterusnya, kajian yang telah dilakukan oleh Mohd Isa Uthman pada 2002⁷ antara yang asas kepada kajian ini. Kajian ini telah menerangkan tentang sekolah terawal yang telah dibina di Sabah iaitu pada tahun 1883 di Sandakan. Melalui kajian yang telah dilakukan oleh penulis adalah kerajaan Chartered Company telah menubuhkan Jabatan Pelajaran pada 1909 untuk tujuan pengawasan dan pengendalian kerajaan. Kajian ini juga telah menceritakan tentang perkembangan sekolah-sekolah di Sabah seperti sekolah Cina dan Sekolah Melayu.

⁶ Ismail Abdul Rahman, *Gerakan Gereja Katolik di Malaysia*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.

⁷ Mohd. Isa Uthman, *Sejarah Malaysia (1800-1963)* , Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distribution sdn Bhd, 2002.



Namun, penulisan yang dibuat kurang menengahkan tentang pendidikan missionari yang telah diperkenalkan oleh British semasa pemerintahannya di Sabah. Dalam penulisan ini, penulis hanya menyentuh serba sedikit tentang pelajaran di Sabah di mana penulis hanya membincangkan tentang pendidikan Sekolah Inggeris, peranan yang dimainkan oleh pihak Kerajaan Chartered Company, perkembangan Sekolah Melayu dan Sekolah Cina secara ringkasnya. Walaupun maklumat yang dibincangkan hanya secara ringkas sahaja, namun ia cukup penting bagi menggambarkan keadaan sistem pendidikan yang terdapat di Sabah secara umumnya semasa pentadbiran Kerajaan Chartered Company.

Di samping itu, kajian Shahril Marzuki dan Habib Mat Som 1999 juga telah menyentuh berkaitan dengan pendidikan di Sabah.⁸ Kajian ini telah menjelaskan berkaitan dengan pendidikan di Malaysia daripada permulaan pengenalan sekolah di Tanah Melayu di mana rakyat telah menghantar anak mereka ke sekolah pondok dan pendidikan tidak formal telah diamalkan oleh penduduk tempatan. Walau bagaimanapun, kajian ini adalah lebih sesuai digunakan sebagai rujukan untuk mengkaji berkaitan dengan sejarah perkembangan sekolah di Tanah Melayu atau kini dikenali sebagai Semenanjung Malaysia dan tidak sesuai sebagai kajian tentang pendidikan di Sabah yang tidak diterangkan dengan mendalam melalui kajian ini.

Selain itu, kajian lain yang berkaitan adalah kajian oleh Sufean Hussine pada tahun 1993. Melalui buku tersebut, penulis telah menerangkan tentang sejarah pendidikan di Sabah dan Sarawak secara berperingkat-peringkat iaitu perkembangan pendidikan dari tahun 1940. Kelebihan yang terdapat dalam hasil karya yang diterbitkan oleh beliau adalah penyelidikan ini menerangkan berkaitan dengan perkembangan pendidikan di Sabah, Sarawak dan Tanah Melayu dari

⁸ Shahril@ Chril Marzuki dan Habib Mat Som, *Isu Pendidikan di Malaysia: Sorotan dan Cabaran*, Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, Dicetak oleh LohPrint Sdn Bhd, 1999.

mula sehingga kepada kewujudan Akta Pelajaran 1961⁹. Pembaca dapat mengetahui berkaitan dengan sejarah pendidikan di Sabah dan Sarawak. Oleh itu, buku ini penting untuk mengetahui sejarah pendidikan di Malaysia khususnya di Sabah dan Sarawak. Dalam penulisan tersebut, penulis telah memperlihatkan sistem pendidikan di Sabah dan Sarawak dari tahun 1940 sehingga 1960 dan perkembangan pendidikan dari tahun 1957 sehingga tahun 1970 di Malaysia. Namun, dalam penulisan tersebut penulis hanya membincangkan tentang pendidikan sekolah missionari secara ringkas sahaja tanpa menghurai secara terperinci dan kajian ini dijalankan secara umum sahaja. Walau bagaimanapun, penulisan ini juga amat penting dan relevan untuk dijadikan bahan rujukan kajian yang hendak dibuat kerana penulis telah memperlihatkan perjalanan dan perubahan yang berlaku terhadap sistem pendidikan di Sabah dan Sarawak setelah bergabung dalam Malaysia pada tahun 1963.

Kajian lain yang telah dijadikan panduan adalah penyelidikan yang berkaitan dengan pendidikan di Malaysia yang telah ditulis oleh Saedah Hj. Siraj (et. Al) pada tahun 1993.¹⁰ Fokus kajian yang telah dibuat oleh beliau adalah tentang semua sistem pendidikan bermula dari prasekolah sehingga ke peringkat tinggi di Malaysia. Malah, kajian ini juga telah menarik perhatian pembaca apabila kajian ini juga telah menyentuh berkaitan dengan sejarah perkembangan sistem pendidikan yang digunakan sebelum kedatangan kolonial sehingga terbentuknya Gagasan Malaysia. Kajian ini telah menjadi panduan untuk melihat perkembangan perjalanan pendidikan di Sabah selepas tahun 1963. Namun, apa yang paling penting dalam hasil penulisan ini adalah penulis telah menyentuh tentang sejarah perkembangan sistem pendidikan yang digunakan sebelum kedatangan kolonial sehingga terbentuknya Gagasan Malaysia pada tahun 1963.

⁹ Sufean Hussine, *Pendidikan di Malaysia, Sejarah, Sistem dan Falsafah*, Selangor Darul Ehsan: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

¹⁰ Saedah Hj. Siraj (et.al), *Pendidikan di Malaysia*, Utusan Publication & Distributor Sdn Bhd, 1993.

Seterusnya, penyelidikan yang telah dibuat oleh Sabihah Osman yang bertajuk perkembangan pelajaran bumiputera Sarawak 1990¹¹ adalah satu rujukan yang penting. Melihat kepada skop tahun yang dibuat oleh penulis, iaitu perkembangan pelajaran bumiputera Sarawak pada tahun 1841-1941 adalah dalam skop pemerintahan Rejim Brooke di Sarawak. Melalui buku ini juga, penulis telah menceritakan tentang perkembangan sekolah badan dakwah kristian yang berhubung dengan pelajaran bumiputera terutamanya yang bukan berbangsa Melayu. Penyelidikan ini penting untuk kajian yang akan dibuat berkaitan dengan sekolah missionari kerana ia merupakan sebuah method atau langkah pertama ke arah penubuhan sekolah missionari. Kajian ini penting untuk dijadikan sebagai bahan rujukan yang boleh digunakan sebagai bahan bacaan untuk menambah pengetahuan bagi mengkaji sekolah missionari di Tawau Sabah.

Penyelidikan Syed Idrus Syed Ahmad dan R. Santhiram yang bertajuk perkembangan pendidikan di Sarawak (1990).¹² Kajian yang dijalankan oleh kedua-dua penulis ini adalah mengenai perkembangan pendidikan di Sarawak. Bermula dengan perkembangan pendidikan pada zaman Brooke sehingga terbentuknya gagasan Malaysia. Penulis telah menulis secara terperinci berkaitan dengan pendidikan di Sarawak bermula pada zaman Brooke yang telah mengubah sistem pendidikan kepada bentuk sekular melalui peranan agama kristian. Penulis juga telah menerangkan berkaitan dengan perkembangan pendidikan semasa pendudukan Jepun sehingga kepada pemerintahan di bawah rejim British dan akhirnya kepada penubuhan Malaysia. Penulisan yang terlalu terperinci telah menyebabkan tidak terlihat langsung kekurangan dalam penulisan buku ini bagi pendidikan di Sarawak.

¹¹ Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

¹² Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

Namun, penulisan hanya tertumpu kepada pendidikan di Sarawak dan tidak langsung menyentuh berkaitan pendidikan di Semenanjung Tanah Melayu dan Sabah. Penulis telah mengutarakan tentang pendidikan awal di Sarawak iaitu pendidikan Pra-Brooke dan percubaan-percubaan awal untuk menubuhkan sekolah-sekolah Mission, Melayu dan Cina. Selain itu, penulis juga memperlihatkan dasar pendidikan yang dijalankan oleh keluarga Brooke, pendidikan semasa zaman pendudukan Jepun di Sarawak dan perkembangan pendidikan dibawah Koloni.

Malahan, penulis juga telah memperjelaskan tentang sistem pendidikan di Sarawak setelah Sarawak memasuki Malaysia pada tahun 1963 iaitu ke arah integrasi sistem pendidikan kebangsaan. Walaupun penulisan tersebut hanya membincangkan tentang sistem pendidikan di Sarawak, namun kajian tersebut merupakan bahagian yang paling penting untuk menghasilkan kajian ini kerana telah menyentuh tentang dasar yang digunakan oleh kerajaan iaitu Akta Pelajaran 1961 yang cuba diintegrasikan dengan sistem pendidikan di Sarawak di mana sistem yang dijalankan di Sarawak adalah sama dengan keadaan di Sabah bagi tujuan meningkatkan sistem pendidikan ke arah pembangunan kebangsaan.

Melalui kajian Hiladzirah dan Hanni Abd Hamid pada 1998 tentang perkembangan sekolah-sekolah di Jesselton pada tahun 1880-an sehingga 1941.¹³ Penulis telah menerangkan berkaitan sejarah Jesselton dan sejarah perkembangannya disamping pembangunan yang dijalankan di Jesselton. Selain itu, penulis telah menerangkan berkaitan dengan sekolah-sekolah yang wujud di Jesselton pada masa itu sama ada Sekolah Cina, Sekolah Mubaligh, Sekolah Melayu dan banyak lagi telah mendapat sokongan daripada kerajaan. Walau bagaimanapun, penulis tidak memuatkan berkaitan dengan pertukaran tampuk pemerintahan yang pernah berlaku di Sabah. Penulis hanya menerangkan

¹³ Hiladzirah / Hanni Abd Hamid, *perkembangan sekolah-sekolah di Jesselton pada tahun 1880-an sehingga 1941*, 1998/1999.



BIBLIOGRAFI

RUJUKAN ARKIB

Arkib Negeri Sabah, Tawau, 31 (9 April 2008)

Annual Magazine 1978 - 1979 , Gedung Arkib , R 16 K 22 , Rekod Sekolah (RS) 10

Arkib Negeri Sabah, Tawau, 31 (9 April 2008)

Early History Of Tawau (Tawau vol. I) Docket 31, No: 1 – 19

The Ursulite 1994 , Arkib R 16 K29

The Ursulite 1996, Gedung Arkib

The Ursulite 2002, Gedung Arkib.

LAPORAN KERAJAAN

Profail Pejabat Perikanan Tawau , 2006. TS Publication & Distributor sdn bhd.

RUJUKAN AKHBAR

Anak Sabah, December 1957, North Borneo Schools- No.5

Daily Express, *Junior Certificate English Exam Result*, Thursday 25 Desember 1969

Harian Mercu, *Tawau asalnya tempat menangkap ikan*. 17 ogos 1997.

The British North Borneo Herald. 16 Mac 1922.



RUJUKAN MAJALAH

Ken Goodlet, 2007. *A History Of The Origin And Growth Of St. Patrick's Secondary School.*

St. Patrick Secondary School Magazines. 1969

Silver . . 2002. *Jubilee Of The Diocese Of Kota Kinabalu.*

Trinitrian . Perayaan ulang tahun ke 70, 1922-1992 ,

RUJUKAN BUKU

Azman Abdul Manaf. 2001. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor.

Ghazali Basri. 1999. *Gerakan Kristian Di Malaysia*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ismail Abdul Rahman. 2000. *Gerakan Gereja Katolik Di Malaysia*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mat Zin Mat Kib. 2003. *Kristian Di Sabah 1881-1994*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd. Isa Uthman. 2002. *Sejarah Malaysia (1800-1963)*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd.

Mohd Nor Bin Long. 1978. *Perkembangan Pelajaran di Sabah*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Poilis, 1981. W. A. *Popular History of the Catholik Church in Sabah*, Sabah Kota Kinabalalu.

Saedah Hj. Siraj (et.al). 1993. *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn Bhd.

Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhitram. 1990. *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sabihah Osman & Md. Saffie b. Abdul Rahim. 2005. *Rencana Khas: "Sejarah Pendidikan di Sabah"*. Sabah: Jabatan Cetak Kerajaan.



Sabiah Osman, 1990, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sufean Hussine. 1993. *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Selangor Darul Ehsan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shahril@ Chril Marzuki dan Habib Mat Som. 1999. *Isu Pendidikan di Malaysia, Sorotan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Zulhilmi Paridi dan Rohani Ab Ghani. 2003. *Kenegaraan Di Malaysia, Isu-isu dalam Pembinaan Negara*.

RUJUKAN TESIS

Claire Michael Junis. 2005/2006. Tesis : *Penyebaran Agama Kristian Katolik dan Perkembangan Sekolah Mubaligh di Tambunan, 1984-1994*. Universiti Malaysia Sabah.

Hiladzirah @ Hanni Abd Hamid. 1999. *Perkembangan Sekolah-sekolah di Jesselton (1880-1941)*. Kertas Kajian Jabatan Sejarah Fakulti Sastera & Sains Sosial, Universiti Malaya.

Jacqueline Aidah Walter. 1998. *Pengaruh Sistem Pendidikan Inggeris Terhadap Perkembangan Sistem Pendidikan Di Sabah Sebelum Merdeka*. Kertas Kajian Institut Keguruan Dan Ilmu Pendidikan Semarang: Fakultas Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial.

RUJUKAN LAMAN WEB

[http:// www. Mpt. Sbh. Gov . my](http://www.Mpt.Sbh.Gov.my) . 8 september 2008, 10.00 pagi



TEMUBUAL

Mr. Tung Yow Choi (Pengetua Sekolah Menengah St.Patrick) . 2009.
13 Mac 2009.

En. Lee Ah Peow (Penyelia Petang Sekolah Menengah Holy Trinity). 2009.
5 Januari 2009

Koh Pau Liang (Penolong Kanan Sekolah Menengah Holy Trinity) 6 Januari
2009.

Pn. Elizabeth Au Yong (Pengetua Sekolah Menengah Konven St. Ursulah) 5
Januari 2009.

Rosnah Bte Lapaleka (bekas pelajar Sekolah Menengah Konvent St.
Ursulah) 10 Januari 2009.

